

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pembinaan *high level tank* di jalan Ulu Pandaruan yang telah diluluskan oleh pihak ICU (JPM) bernilai RM4 juta akan dimulakan untuk memastikan air yang dirawat dapat dibekalkan ke kawasan di sepanjang Ulu Pandaruan dalam tahun ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada jadual perancangan dan pelaksanaan projek, kerja-kerja membina bagi projek *high level tank* untuk bekalan air luar bandar di Jalan Ulu Pandaruan, Limbang, Sarawak akan bermula pada bulan Disember 2015 dan mengambil masa 12 bulan untuk disiapkan iaitu pada bulan Disember 2016. Kerja-kerja pembinaan ini akan dimulakan setelah proses lantikan konsultan, pengambilan tanah dan tender yang dijangka akan dimuktamadkan pada bulan November 2015.

Sekian. Terima kasih.